



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27/01/2018

India setuju kaji semula duti import minyak sawit

BH- 27/1/2018 pg. 2

➔ Kenaikan kepada 30 peratus beri kesan eksport komoditi

M Thillinadan
thilli@bh.com.my



▀ New Delhi, India

Kerajaan India memberi jaminan akan mengkaji semula keputusannya sebelum ini untuk menaikkan duti import minyak sawit mentah Malaysia daripada 15 peratus kepada 30 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kenaikan

itu tinggi dan beliau meminta Kerajaan India mengkaji semula kadar berkenaan kerana ia akan memberi kesan kepada eksport minyak sawit mentah negara.

PM bangkitkan isu duti minyak sawit

"Dalam pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri India, Narendra Modi, semalam, saya bangkitkan isu duti minyak sawit, selain kenaikan duti minyak kacang soya, minyak bunga matahari.

"Kenaikan duti minyak sawit, tinggi. Jadi, saya minta Kerajaan India lihat semula kadar kenaikan itu.

"Kenaikan ini akan memberi kesan kepada eksport sawit kita kerana India adalah pembeli kedua terbesar minyak sawit Malaysia," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan In-

dustri, Datuk Seri Mustapa Mohamed serta Menteri Kesihatan, yang juga Presiden MIC, Datuk Seri Dr S Subramaniam.

Tahun lalu, Kerajaan India mengumumkan duti import minyak sawit mentah dinaikkan kepada 30 peratus daripada 15 peratus.

India mengimport 2.5 juta tan minyak sawit mentah daripada Malaysia tahun lalu.

Sementara itu, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, berkata cadangan kenaikan tarif oleh India itu turut dibincangkan Kabinet, sebelum ini.

"Saya gembira apabila Perdana Menteri menyuarakan perkara ini ketika lawatannya di India.

"Perdana Menteri sentiasa memberi tumpuan dalam memastikan pekebun kecil menerima harga baik dan stabil untuk hasil mereka," katanya da-

lam kenyataan.

Beliau berkata, India adalah antara destinasi eksport minyak sawit terbesar Malaysia dan setiap langkah yang diambil negara berkenaan akan memberi kesan kepada jumlah eksport Malaysia serta bekalan minyak sawit negara.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Datuk Mohamad Nageeb Ahmad Abdul Wahab, menyambut baik langkah Kerajaan India yang sudi mempertimbangkan tarif minyak sawit.

Katanya, jika kadar tarif itu dapat diturunkan dengan banyak, ia boleh menjadikan minyak sawit lebih berdaya saing berbanding minyak sayuran lain.

➔ Lagi berita Ms.6 dan Bisnes Ms.19